

30/06/2001

Pemuda mula gerak kerja pilihan raya

Khairul Anwar Rahmat

KUALA LUMPUR, Jumaat - Pergerakan Pemuda Umno sudah memulakan gerak kerja, termasuk menubuhkan bilik gerakan dan mendaftar ahli baru untuk memastikan kemenangan Barisan Nasional (BN) dalam pilihan raya umum 2004.

Penolong Bendahari Pemuda, Wan Mohamad Khairil Wan Ahmad, berkata gerak kerja itu dibuat selepas kepimpinan Pemuda bahagian mendapat amanat Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir, akhir bulan lalu.

Katanya, sudah ada cawangan menubuhkan bilik gerakan dan menyediakan perancangan untuk mendekati parti dengan rakyat.

"Saya pasti, Ketua Pemuda Umno Negeri yang baru dilantik sebelum Perhimpunan Agung Pemuda lalu mempunyai perancangan tersendiri untuk merealisasikan amanat Presiden Umno," katanya.

Exco Pemuda Umno, Azman Shah Omar Shah, berkata usaha menambah ahli dan mendaftarkan mereka sebagai pemilih sedang giat dijalankan Pemuda kerana ia adalah usaha berterusan.

Katanya, bilik gerakan Pemuda Cawangan Kampung Pertama, dalam bahagian Permatang Pauh sudah siap untuk digunakan dan dilancarkan Dr Mahathir hari ini.

Beliau berkata, usaha menambahkan ahli tidak sukar dilakukan kerana ramai golongan muda berminat menyertai Umno.

Bagaimanapun, katanya, usaha mendaftarkan ahli sebagai pemilih perlu dilakukan dengan teliti kerana ia membabitkan Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR).

Exco Pemuda, Mohd Norza Zakaria, berkata Pemuda Umno sedang giat melaksanakan pelbagai program untuk menarik sokongan generasi muda.

Katanya, amanat Presiden parti tidak harus dipandang ringan oleh Pemuda Umno dan segala program dirangka perlu menjurus ke arah menjana kemenangan Umno dan BN dalam pilihan raya.

Pengerusi Biro Belia Pemuda Umno, Ismail Sabri Yaakob, berkata gerak kerja yang giat dijalankan sejak kebelakangan ini membuktikan Pemuda Umno sudah mula 'turun padang' dan mendampingi rakyat.

Katanya, Program Pemuda Masuk Kampung yang sudah dua kali diadakan mendapat reaksi positif penduduk setempat.

Sementara itu, Ketua Pemuda Umno Melaka, Jamiluddin Jonit, berkata pihaknya sudah mengadakan pertemuan dengan pemimpin Pemuda peringkat bahagian dan cawangan untuk menyusun strategi untuk menghadapi pilihan raya akan datang.

Katanya, pendekatan awal yang dilakukan ialah supaya setiap Ketua Pemuda bahagian membuka bilik gerakan masing-masing sebelum cawangan mempunyai bilik gerakan sendiri.

Ketua Pemuda Umno Pulau Pinang, Roslan Saidin, pula berkata beliau gembira Dr Mahathir mengotakan janjinya untuk merasmikan bilik gerakan sempena lawatan ke bahagian.

Sempena pelancaran itu, Presiden parti akan menerima borang keahlian 291 ahli baru yang terdiri daripada golongan muda.

(END)